

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA: 4(A)(XXIV)34

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASANSEBERANG JAYA
YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN**

34. Pemimpin tertinggi Pakatan Harapan bersetuju untuk menandatangani Perjanjian Keyakinan dan Pembekalan (CSA) di peringkat Persekutuan atas dasar kepentingan rakyat.
- (a) Apakah langkah dan tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menawarkan memorandum persefahaman yang serupa atas dasar kepentingan rakyat di Negeri Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

34. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bercadang untuk mengadakan apa-apa memorandum persefahaman dengan barisan pembangkang negeri pada masa ini bagi mewujudkan persemuafakatan politik antara gabungan politik yang berlainan. Walau bagaimanapun, beberapa agenda yang sama telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Ini dapat dilihat dari Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 yang menyekat seseorang wakil rakyat dari melompat parti. Selain itu, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang juga

telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2018 untuk mengehendkan tempoh jawatan Ketua Menteri kepada dua penggal. Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Harapan sentiasa peka kepada aspirasi rakyat maka Negeri Pulau Pinang sering mendahului dalam membawa pembaharuan bagi menjamin hak rakyat dibela. Kerajaan Negeri pada masa ini berada dalam keadaan yang stabil serta mendapat sokongan padu dari rakyat.